

Lidah dan Bahasa



**WAWASAN
PENABUR**

Lidah Dan Bahasa

Pentingnya Pertuturan Dalam Perhubungan Peribadi

Tajuk	: Lidah Dan Bahasa
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Chee Ooi Chin
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Lidah Dan Bahasa

Pentingnya Pertuturan Dalam Perhubungan Peribadi

Suka atau tidak, pertuturan mempengaruhi perhubungan seharian kita dengan orang yang kita bekerja atau tinggal bersama. Penulis berharap agar buku ini dapat membantu para pembaca untuk memahami perkara yang mungkin mempengaruhi kandungan dan pola pertuturan kita. Kita akan meneliti aspek-aspek seperti:

“Bagaimanakah kita mendengar apabila orang lain bercakap dengan kita dan bagaimana kita bercakap supaya orang lain akan mendengar kita?”


“Mengapakah kata-kata saya menyakiti orang yang paling saya sayangi?”

“Mengapakah saya tidak dapat berhenti daripada berperang mulut dengan suami atau isteri saya? Ini sungguh meletihkan!”

Dalam era teknologi maklumat sekarang, komunikasi secara lisan berlaku dengan begitu pantas dan merentasi jarak yang jauh. Kesan kata-kata yang diucapkan juga seolah-olah telah diturun-nilaikan. Ini adalah kerana komunikasi bersemuka tidak lagi diperlukan untuk urusan perniagaan atau pasangan kekasih berhubung. Golongan muda yang membesar dalam dunia komputer dan internet nampaknya kurang sabar dengan pola pertuturan dan perhubungan idea yang lebih perlahan. Golongan yang


lebih tua pula mendapati diri mereka sesat dalam dunia mikrocip melainkan mereka mengikuti perkembangan semasa. Itupun jika mereka mahu berkawan dengan golongan yang lebih muda. Walau bagaimanapun, jauh di dalam lubuk hati mereka sedar bahawa tiada yang lebih baik daripada perbuatan peribadi untuk memupuk perhubungan yang bermakna.

Dalam Efesus 4:15, Rasul Paulus menggesa kita:



“Sebaliknya, kita harus mengatakan perkara-perkara benar dengan hati yang penuh kasih, sehingga kita menjadi matang dalam segala hal dan menjadi seperti Kristus, iaitu Kepala jemaah.”

Oleh yang demikian, kita perlu membina satu sama lain melalui kata-kata yang kita ucapkan dan mendengar dari satu sama yang lain. (Lihat 4:14 & 16 tentang kesatuan dalam tubuh Yesus). Paulus juga mengingatkan kita dalam Kolose 4:5-6 bahawa:



“Hendaklah kamu bijaksana dalam hubungan dengan orang yang tidak percaya kepada Kristus, dan gunakan setiap peluang dengan sebaik-baiknya. Hendaklah percakapan kamu menyenangkan dan menarik. Hendaklah kamu tahu memberikan jawapan kepada setiap orang dengan sepatutnya.”

Oleh itu, kita perlu mempelajari cara untuk berbual supaya kita tidak membuat mereka yang belum memasuki keluarga Tuhan tersandung.

Tiga Sebab Mengapa Kita Harus Memperhatikan Pertuturan Kita

1. **Pertuturan sebagai satu saluran komunikasi antara manusia berasal daripada Allah Pencipta.**

Dalam Kejadian 1:26, kita boleh membaca TUHAN Allah (Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus) berkomunikasi antara satu sama lain melalui kata-kata. Apabila TUHAN Allah mencipta manusia, Dia berkomunikasi dengan mereka melalui kata-kata juga. Alkitab mempunyai banyak contoh tentang persekutuan sedemikian. Sebagai contoh, Allah berbicara kepada Adam dan Hawa selepas kejatuhan mereka (Kejadian 3:8-9); Allah berfirman kepada Abraham supaya dia berpindah ke tempat lain (Kejadian 12); Allah berfirman kepada Musa selepas menyepi selama 40 tahun (Keluaran 3:6).

Allah mencipta bahasa supaya Dia dapat berkata-kata dengan kita, dan kita dapat bercakap dengan-Nya serta bercakap sesama kita ...dalam kasih. Seluruh Alkitab mendukung idea bahawa memang sifat Allah untuk berbicara dan berkomunikasi dengan manusia. *"Pada mulanya ialah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu ialah Allah."* (Yohanes 1:1)

Allah Berfirman – dan Ia Pun Terjadi!

A.W. Tozer menulis:

“Pada mulanya ialah Firman’ – firman atau kata ialah satu saluran untuk melahirkan pemikiran. Penggunaan istilah itu terhadap Anak Allah mendorong kita untuk percaya bahawa pernyataan diri ialah sifat semula jadi Tuhan Allah. Allah sebenarnya senantiasa ingin menyatakan Diri-Nya kepada ciptaan-Nya. Bukan sahaja Allah telah berbicara tetapi Allah masih berbicara! Allah akan terus berfirman. Allah memenuhi dunia-Nya dengan suara-Nya.

Satu daripada hakikat hebat yang perlu kita hadapi ialah suara Tuhan di dunia... ‘Allah berfirman dan ia pun terjadi!’ Sebab itulah hukum alam ialah suara Tuhan yang hidup dalam penciptaan-Nya...

Firman Allah yang mencipta seluruh dunia sudah tentu tidak bermaksud Alkitab sahaja, kerana firman itu ialah kehendak Allah yang diperkatakan ke dalam struktur semua ciptaan. Firman Allah ini ialah nafas Allah yang memenuhi dunia dengan potensi untuk hidup. Suara Allah ialah kuasa yang paling kuat di alam semesta kerana Firman yang penuh dengan kuasa telah diucapkan!”¹

2. Kita boleh mengawal kata-kata percakapan kita

Ramai di antara kita menghadapi masalah dengan orang lain disebabkan kata-kata yang diucapkan secara sengaja atau tidak sengaja. Penulis kitab Amsal, Yakobus dan Kolose selalu mengingatkan kita tentang perlunya kita mengawal lidah dan

bagaimana susahya kita mengawal lidah.

Walau bagaimanapun, mungkin disebabkan kita telah dilahirkan dengan kemampuan untuk menghasilkan bunyi dan kemudian perkataan, kita langsung tidak menanyakan soalan, “Mengapakah kita memberitahu orang lain tentang pemikiran dan kehendak hati kita melalui kata-kata? Mengapakah kita tidak menggunakan bahasa isyarat sahaja sama seperti mereka yang tidak dapat menggunakan pengucapan kata-kata untuk berkomunikasi, seperti orang yang kurang upaya pendengaran atau percakapan?” Kebanyakan kita sudah tidak menghargai kemampuan kita untuk berkata-kata. Kita cuma berhenti untuk merenungi kata-kata kita apabila kita telah menyakiti seseorang, atau semasa kita sedang berpacaran dengan buah hati kita. Oleh itu, apabila kita hendak mengasihi seseorang, salah satu faktor yang perlu kita selidiki pada diri kita ialah kata-kata percakapan kita.

3. Kita mahu mengelakkan konflik dan masalah

Kita mahu mewujudkan kesedaran tentang konflik yang berpunca daripada pengucapan kata-kata kita. Kita juga hendak mencegah konflik yang sedemikian supaya kita dapat berkomunikasi dengan baik di rumah, di kalangan keluarga Tuhan dan dalam masyarakat demi kemuliaan Allah. Mengapakah saya katakan ‘demi kemuliaan Allah’? Kerana Allah berbicara dan Allah mencipta kemampuan untuk berkata-kata bagi manusia supaya mereka dapat berkomunikasi dengan-Nya dan sesama manusia.

Tiga Faktor Yang Mempengaruhi Gaya Pertuturan Kita

1. Temperamen

Dari sudut pandangan Psikologi Alkitabiah:

Temperamen + Keperibadian = Personaliti²

Temperamen ialah fungsi-fungsi Campuran Bakat Asas Ciptaan yang Unik (*Unique Basic Creation Gift-Mix Functions*). Pengungkapan bakat-bakat ini bergantung sepenuhnya kepada peluang-peluang yang ada. Pembawaan kita mungkin dipengaruhi oleh dosa, asuhan dan persekitaran. Fungsi-fungsi ini mungkin menjadi kekuatan atau kelemahan berdasarkan cara kita mengurus fungsi campuran bakat tersebut.

Keperibadian ialah cara kita mengurus temperamen kita. Jika kita mengikut cara Tuhan, maka kita akan menghasilkan buah-Nya (suci). Tetapi jika kita mengikut Sang Musuh, maka kita akan menghasilkan buah si musuh (tidak suci)

Personaliti pula ialah individu yang unik hasil daripada perhubungan kita dengan orang lain. Personaliti kita boleh berubah kerana transformasi perwatakan kita oleh Roh Kudus apabila akal fikiran kita diperbaharui oleh kebenaran-Nya.

Personaliti ialah apa yang kita lihat pada diri masing-masing ketika kita berhubung antara satu sama lain.

Dari sudut pandangan sebuah Kamus³:

Temperemen adalah pemikiran atau fitrah yang menjadi kelaziman atau kecenderungan semulajadi, bakat dan kelemahan asas seseorang. Kepribadian ialah kekuatan moral seseorang. Sementara Personaliti ialah pola tabiat dan perangai seseorang yang dinyatakan melalui kegiatan mental dan fizikal serta sikapnya. ia meliputi kualiti-kualiti tersendiri individu tersebut.

Myers-Briggs⁴ menyatakan ada empat fungsi asas yang mempengaruhi pertuturan manusia:

a. *Introvet atau Ekstrovet?*

Ini adalah orientasi kecenderungan dalaman seseorang, iaitu bagaimana dia membaharui (mencas semula) tenaga dalaman emosionalnya. Seorang yang ekstrovet bertutur dengan mudah secara spontan dan tidak tahan dengan pertuturan yang perlahan. Dia dapat bercakap dengan mesra walaupun dengan orang yang tidak dikenali.

Seorang yang introvet/pendiam dapat bertutur dengan lebih berkesan jika dia diberi masa untuk membuat renungan. Dia akan bercakap dengan baik di khalayak ramai jika dia diberi masa yang cukup untuk persediaan mental dan hati. Dia akan lebih mendedahkan dirinya yang sebenar kepada rakan yang dipercayai apabila mereka bertemu secara bersendirian.

b. Penderia atau Intuitif?

Ini adalah cara bagaimana kita menerima maklumat daripada dunia luar di sekeliling kita. Seorang penderia lebih banyak memperoleh maklumatnya melalui panca indera jasmaninya iaitu dengan melihat, mendengar, menghidu, merasa dan menyentuh. Mereka suka bukti yang kuat dan ketara sebelum menerima suatu maklumat sebagai fakta. Dia lebih teliti dalam hidup sehari-hari.

Seorang yang intuitif lebih banyak memperoleh maklumatnya melalui fungsi 'panca inderanya yang keenam'. Dia kerap bercakap berdasarkan gerak hati dan biasanya menghadapi masalah dengan orang yang penderia yang menganggap mereka sebagai tidak tepat dalam merakam dan memberi maklumat, walaupun sebenarnya mereka tidaklah begitu.

c. Berfikir atau Berasa?

Hanya fungsi ini sahaja yang berkecenderungan berbeza mengikut jantina secara signifikan. Kaum perempuan lebih cenderung berasa sementara kaum lelaki lebih cenderung berfikir. Fungsi ini tidak ada kena-mengena dengan darjah kepintaran. Mereka yang lebih banyak berfikir akan bercakap dengan logik, berdebat dengan lebih sistematik dan membuat keputusan yang disokong oleh pemikiran yang jelas.

Mereka yang lebih berfungsi berasa berkecenderungan untuk bercakap dalam cara

yang lebih berbelit-belit. Mereka membuat keputusan secara refleksif dengan hati lebih daripada kepala (akal budi). Ini adalah kerana mereka cenderung untuk merasai perasaan orang lain akibat kesan kata-kata dan keputusan yang dibuat.

Catatan:

- Orang yang lebih kepada berfikir kerap memandang rendah akan orang yang berasa. Orang yang berfikir menganggap orang yang berasa kurang pintar, kurang penting untuk membuat keputusan atau 'feminin' [prejudis umum di kalangan lelaki] sungguhpun tidak ada salahnya jika 'bersifat lembut' (walaupun untuk kaum lelaki).
- Orang yang berasa kerap tersinggung kerana mereka beranggapan bahawa orang lain mengkritik mereka apabila mereka cuma menyatakan sesuatu secara objektif.

d. Menghakimi atau Menanggapi?

Ini adalah mengenai bagaimana kita menjalankan kehidupan seharian kita – gaya hidup kita. Orang yang cenderung menghakimi (yang membawa maksud orang yang tegas dalam jadual harian dan bukannya suka membuat penghakiman) perlu membuat perancangan yang terperinci dalam kehidupan seharian dan mengikutinya dengan ketat. Dia menjadi hampa jika perancangannya berubah secara tiba-tiba. Dia biasanya memilih kata-kata dengan berhati-hati.

Orang yang menanggapi juga membuat perancangan tetapi dia dapat menerima perubahan yang berlaku secara tiba-tiba. Kata-katanya mungkin kedengaran tidak begitu tepat dalam perbualan kerana dia lebih fleksibel dalam pemilihan kata untuk pertuturan sehari-hari.

Berhati-hatilah!

Kita perlu menjaga kata-kata kita apabila kita: berasa letih, tertekan secara emosi atau sakit. Jika tidak, kelemahan kita mungkin akan mendatangkan dosa!

Renungan

1. Renungkan perbincangan di atas tentang pembawaan/temperamen anda yang telah dikurniakan oleh Tuhan.
2. Bersyukurlah kepada Tuhan tentang siapa diri anda dalam Kristus.
3. Renungilah beberapa kelemahan anda. Apakah yang akan anda lakukan untuk kelemahan tersebut?

2. Jantina

Apabila kita memandang seorang lelaki atau seorang perempuan, kita bukan sahaja melihat orang itu secara fizikal tetapi apa yang menjadikan orang itu sedemikian rupa sekarang. Salah satu daripada pengaruh tersebut ialah jantina orang itu. Ada kemungkinan jika kita melihat orang lain dari sudut pandangan yang lebih luas, kita akan lebih bersabar dan menghargai orang itu. Kita mungkin lebih mudah mengampuni mereka apabila mereka melakukan kesalahan kepada kita dan mengasihi mereka untuk Tuhan, baik mereka itu masih muda ataupun sudah tua.

Perbezaan Dalam Gaya Pertuturan Mengikut Jantina

Perbezaan jantina kerap ditunjukkan dalam aspek bahasa. Perkataan sama yang dituturkan mungkin ditafsirkan secara berlainan oleh seorang lelaki dan seorang perempuan. Kadang-kadang mereka seolah-olah memiliki dua bahasa yang berlainan! Fenomena ini menyebabkan seorang ahli psikologi, Deborah Tannens, mencipta perkataan '*genderlect*' atau bahasa kejantinaan. Umumnya, seorang lelaki lebih berorientasikan objek manakala seorang perempuan lebih berorientasikan perhubungan.

- a. Di khalayak ramai (di atas pentas)
 - Kaum lelaki bercakap lebih banyak dan menggunakan percakapan untuk melaporkan peristiwa atau fakta, seperti pasar saham atau cuaca (*pertuturan ala laporan*)
 - Kaum perempuan kurang bercakap kerana

dia menggunakan percakapan untuk menjalin hubungan (*pertuturan demi hubungan*)

- b. Di masa peribadi (di bawah pentas)
- Kaum lelaki cenderung untuk diam kerana tiada apa-apa lagi yang hendak dilaporkan. Ini biasanya berlaku di rumah.
 - Kaum perempuan pula bercakap lebih banyak kerana dia hendak memujuk kemesraan/keakraban.

Oleh hal yang demikian, senario yang berikut mungkin berlaku dalam kebanyakan keluarga:

Isteri : Kamu tak dengar! Kamu tak ambil peduli!

Suami : Saya sedang berehat kerana tak ada apa-apa yang hendak dilaporkan...tetapi saya ambil peduli... jadi jangan tuduh dengan sembarangan!

- c. Kaum lelaki berfokus kepada perkara yang hendak dilakukannya (*perbuatan*) sementara kaum perempuan berfokus kepada keperluannya untuk mendapatkan simpati atau keperluan untuk memberikan simpati (*emosi*)

Contohnya:

Isteri : Saya berasa tak sihat...

Suami : Cepat tukar baju. Saya akan membawa kamu berjumpa dengan doktor.
(*perbuatan*)

Soalan : Tetapi apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh si Isteri?

“Sayang, aku memerlukanmu/pelukanmu/simpatimu kerana aku telah menjaga anak-anak sepanjang hari dan belum mandi lagi!” (simpati)

- d. Ada lelaki boleh menjadi seperti perempuan dan ada perempuan yang boleh menjadi seperti lelaki dalam situasi di atas bergantung kepada keunikan diri mereka.
- e. Apabila seseorang lelaki ditanya tentang perasaannya, hasil penyelidikan saintifik neurologi menunjukkan bahawa dia perlu mencari pusat perasaan di otaknya, mengenal pasti perasaan tersebut, kemudian menyusun dalam perkataan untuk menghuraikan perasaan yang berkenaan sebelum dia mengucapkannya. Walau bagaimanapun, apabila masa itu tiba dia sudah pun melupakan perasaan tersebut dan perlu ke pusat perasaan kembali untuk mencarinya. Oleh itu, bagi kaum lelaki, perbuatan memikirkan dan mengucapkan perasaan pada masa yang serentak adalah sangat susah. Sebab itulah kaum lelaki lebih kerap tidak sedar akan perasaannya dan dia perlu duduk diam-diam untuk mengenal pastinya sebelum mengucapkannya dalam perkataan!

Namun begitu, lebih banyak laluan neural mungkin dibuka (misalnya melalui pengalaman pahit) apabila dia terpaksa memikirkan perasaannya dengan lebih terperinci. Profesor C.S. Lewis dan Dr. Paul Tounier

mempelajarinya melalui cara yang sukar apabila isteri mereka meninggal.^{5 & 6}

Seorang perempuan pula berkomunikasi lebih banyak dan selalunya dengan lebih berkesan. Dia dapat menghubungkan pusat pengenalan perasaan dengan pusat pertuturan secara spontan dan mengucapkan apa perasaannya dan bagaimana perasaannya. Sebenarnya, dia menggunakan pertuturan sebagai satu cara untuk mengetahui bagaimana perasaannya. Dia terus bercakap sehingga dia meluahkan/mendedahkan semua perkara yang merunsingkannya. Akhirnya, dia dapat mengetahui semua perkara yang menyebabkannya berasa tidak gembira. Kemudian dia dapat menyatakan perkara yang ingin disampaikan.

Walau bagaimanapun, keunikan perempuan memeningkan kepala lelaki. Mengapa? Ini adalah kerana semasa kaum perempuan bercakap, kaum lelaki yang lebih berorientasikan fakta sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh perempuan itu di hadapannya. Sebab itulah mengapa kaum perempuan dapat membuat beberapa tugas pada masa yang sama, seperti menjaga seorang anak kecil sambil bercakap dengan rakan melalui talian telefon dan memasak sesuatu di dapur pada masa yang sama ...dan dia sangat menikmati melakukan semua tugasnya!

Kaum lelaki pula tidak mudah melaksanakan beberapa tugas sekali gus. Misalnya, apabila mereka sedang menonton televisyen, mereka cenderung untuk

pekak kepada semua bunyi/suara di sekelilingnya. Jadi, seorang perempuan bertutur lebih banyak perkataan daripada seorang lelaki dalam sehari.

Renungan

Sudahkah anda menerima identiti seksual dan jantina yang dikurniakan oleh Tuhan kepada anda dan kepada mereka yang berada di sekeliling anda? Atau anda merasakan keadaan akan lebih baik jika anda memiliki identiti seksual dan jantina yang satu lagi?

Gaya-Gaya Percakapan

Ada empat gaya asas percakapan yang mempengaruhi perbualan kita:

1. **Berbual-bual kosong.** Digunakan untuk:

- Mengisi masa, misalnya semasa menunggu mesyuarat untuk bermula.
- Mengurangkan tekanan, misalnya dalam kalangan orang yang tidak dikenali di tempat teduh pada hari hujan.
- Berkenalan, misalnya dalam majlis makan.
- Melaksanakan kewajipan, misalnya diarahkan untuk menghibur tetamu tanpa kerelaan hati.
- Apabila isi kandungan tidak penting kepada penutur, misalnya tentang cuaca.

2. **Perbualan terkawal.** Digunakan untuk:

Mempengaruhi orang lain ke arah pemikiran, perasaan atau tindakan tertentu. Ada dua kategori:

- **Percakapan yang dikawal kuat.** Ia bersifat untuk menguasai kerana mahu pendengarnya patuh/akur. Juga digunakan apabila pandangan dan perasaan pendengar diketepikan (misalnya ibu bapa kepada anak); orang yang suka mengawal isteri/suaminya; majikan yang tidak bertimbang rasa kepada orang bawahan; atau ketika berada dalam satu situasi yang memerlukan kepatuhan yang segera (contohnya apabila sebuah kapal sedang tenggelam).
- **Percakapan yang dikawal ringan.** Iaitu menggunakan pujukan halus yang membenarkan ruang kepada pendengar untuk menerima atau menolaknya; menghormati pandangan dan perasaan pendengar (misalnya kaunselor dan pastor); guru yang menggunakan cerita dan perumpamaan; dan ibu bapa yang bersabar dan bijaksana.

3. **Pertuturan untuk mendapat maklumat.** Ianya untuk:

- Meneliti dan mencari tahu pemikiran orang lain untuk pelbagai sebab. Contohnya: apabila tidak pasti akan niat/tujuan orang lain; meminta penjelasan tentang isi kandungan percakapan orang lain supaya dapat memahami orang berkenaan; mengusik orang; membantu orang lain memahami dirinya seperti pada tahap psikoterapi yang tertentu; atau digunakan oleh

suami/isteri yang cemburu.

4. Pertuturan terus terang. Digunakan untuk:

- Meluahkan pemikiran dan tujuan penutur secara langsung
- Secara sopan atau kasar untuk menentukan sama ada apa yang dikatakan itu benar atau tidak. Misalnya seseorang yang sedang marah atau kecewa; atau seseorang yang menyatakan kebenaran dengan kasih sayang pada masa yang sesuai/tepat.

Bagaimanakah Komunikasi Lisan Mempengaruhi Gaya Pertuturan

Contoh:

Jackson adalah seorang extrovet yang periang dan suka berjenaka. Mary pula adalah seorang introvet yang serius tentang kata-kata yang diucapkan. Kedua-duanya masih bujang. Mereka rakan sepejabat dan pergi ke gereja yang sama.

Jackson : Hai Mary, kamu kelihatan begitu cantik hari ini!
Alangkah bahagianya saya kalau kamu menjadi teman wanita saya!

Mary : Kamu pastikah? Kamu mungkin tidak akan suka saya jika kamu mengenali saya.

Jackson : Mengapa tidak? Cinta itu buta. Bagi saya, komitmen terhadap perkahwinan ialah satu amalan murni walaupun perkahwinan itu boleh mencelikkan mata kita.

Mary : (Mendiamkan diri tetapi dalam hatinya dia berfikir ...*Wahhh.. lelaki ini sungguh baik untuk dijadikan suami ... ada peluanglah...*)

Jika ucapan di atas berlaku sekali, kata-kata Jackson mungkin diambil ringan sahaja. Walau bagaimanapun, jika ucapan itu diulangi dalam pelbagai cara dalam tempoh beberapa minggu atau bulan, Mary mungkin akan mula berasa bahawa Jackson betul-betul ingin menjadikannya sebagai teman wanita yang istimewa.

Pada suatu hari Jackson mengumumkan rancangannya untuk berkahwin dengan orang lain. Dia telah memberikan kejutan besar kepada Mary! Pada minggu-minggu seterusnya Mary menunjukkan tanda-tanda kemurungan dan marah kepada Jackson kerana menipunya serta mengkhianati kepercayaannya untuk memikat hatinya.

Mary : *Bagaimanakah seorang lelaki yang matang boleh menipu? Dia memberitahu saya bahawa dia menyukai saya. Mengapakah Tuhan begitu tidak adil? Saya tidak akan mempercayai lelaki lagi! Mereka tidak mengotakan kata-kata mereka!*

Soalan : Apakah masalah asas yang sebenarnya dapat dielakkan?

Jawapan: Jackson menjadikan kata-katanya sebagai perbualan kecil/kosong manakala Mary menjadikannya sebagai satu pertuturan terus terang.

Jika setiap orang dapat memahami gaya asas pertuturan masing-masing, lebih banyak masalah perhubungan dapat dielakkan. Persahabatan tidak terputus. Perkahwinan dan keluarga juga dapat diselamatkan.

Renungan

Bagaimanakah kemampuan mengenal pasti gaya asas pertuturan orang lain dan diri membantu saya untuk menjalin perhubungan yang lebih baik/rukun/harmoni dengan Tuhan dan orang lain di rumah, di gereja serta dalam masyarakat?

Pengurusan Konflik yang Disebabkan oleh Komunikasi Lisan

1. Pandanglah kepada Yesus. Dengarlah dari-Nya

Yesus sahaja yang mempunyai temperamen, perwatakan dan personaliti yang sempurna. Yesus adalah extrovet dan juga introvet; penderia dan juga intuitif; berfikir dan juga berasa; tegas dan juga fleksibel. Yesus dapat mengawal temperamen-Nya dan menggunakannya mengikut hukum dan peraturan Allah Bapa. Oleh itulah perwatakan Yesus adalah sempurna sebagai Anak Manusia. Maka untuk menjadi seperti Yesus adalah untuk menjadi seimbang seperti-Nya. Yesus akan membawa kita kepada perwatakan-Nya pada suatu hari nanti ... untuk menghasilkan buah Roh

Kudus yang merupakan personaliti-Nya. Itulah janji Yesus kepada kita, Pengantin-Nya.

“Ya Tuhan, awasilah mulutku dan jagalah bibirku!”
Mazmur 141:3

Ingatlah, Tuhan ...

- Memandang serius tentang perbezaan kita sebagai lelaki dan perempuan.
- Menggalakkan kita untuk menggunakan kecenderungan semula jadi kita.
- Mahu kita berwaspada terhadap pandangan prasangka/berat sebelah kita.
- Menyeru kita supaya peka kepada sentuhan Roh Kudus terhadap perkara yang kurang diketahui kerana fungsi kita yang jarang-jarang sekali digunakan, yang mungkin akan menyebabkan kita mudah terjerumus kepada godaan/ percubaan dosa tertentu. Contohnya, orang yang extrovet cenderung bercakap banyak tanpa mempertimbangkan respon atau reaksi pendengar.

2. Fahami temperamen, bahasa mengikut jantina dan gaya pertuturan orang lain.

Hal ini penting supaya salah tafsir tentang kata-kata dan salah tuduh dapat dielakkan.

“Namun begitu, melihat satu pola untuk menilai perbezaan individu memberikan satu titik tolak untuk memupuk bukan sahaja pemahaman diri sendiri tetapi

juga fleksibiliti, yang merupakan kebebasan untuk cuba melakukan sesuatu perkara dengan cara lain jika cara automatik/biasa melakukan perkara tersebut tidak selalu mendatangkan hasil yang baik.”

~ D. Tannens ⁷

D. Tannens⁸ menambah lagi...

“Jika anda memahami perbezaan jantina dalam aspek yang saya sebut sebagai gaya pertuturan, anda mungkin tidak dapat mengelakkan perselisihan yang timbul, tetapi anda lebih berpeluang untuk mengelakkan perselisihan itu menjadi tidak terkawal...Apabila percubaan yang ikhlas untuk berkomunikasi menemui jalan buntu, dan orang tersayang kelihatan tidak rasional serta degil, bahasa-bahasa lelaki dan perempuan yang berlainan dapat menggoncang asas hidup kita.


Keupayaan untuk memahami cara orang lain bertutur ialah satu lompatan besar untuk merapatkan jurang komunikasi antara lelaki dengan perempuan, dan satu langkah besar untuk membuka saluran komunikasi.”

3. Banyak mendengar dan kurangkan bercakap

Kita perlu memutuskan putaran perosak komunikasi dengan cara memperlahankan percakapan kita dan menyelami/mendengar perasaan orang lain di sebalik kata-kata mereka. Lelaki mahu kebebasan sementara perempuan pula mahukan keakraban. Tetapi pola perhubungan yang

22 Siri Bimbingan Remaja

terherot ini sering kali menyebabkan satu putaran ketegangan perhubungan!



4. Bentukkan satu tabiat yang baik

- Bentukkan satu tabiat yang fleksibel dalam perkara yang kurang penting, tegas dalam perkara penting, memiliki hati yang mahu belajar dan rendah hati.
- Sertai kumpulan akauntabiliti kecil untuk membantu satu sama lain.
- Mengatakan kebenaran dalam kasih.

Ingatlah! Tuhan mengingatkan kita bahawa kata-kata yang pedas mungkin berguna dalam situasi tertentu (Yeremia 5:7-8) tetapi kata-kata tersebut perlu diucapkan dalam kasih yang sejati kepada pendengar seperti yang dilakukan oleh Nabi Yeremia (Yeremia 13:15-17).

Mengatakan kebenaran dalam kasih ialah :

- a. Suatu kehendak = berniat
- b. Suatu sikap = kadang-kadang memerlukan doa terutama sekali jika dalam konflik

- c. Suatu perwatakan = buah Roh Kudus yang boleh berlaku dan berkesan. Pandanglah kepada Tuhan yang mengetahui kebenaran tentang diri kita tetapi tetap mengasihi kita!

Tetapi bagaimanakah kita mengatakan kebenaran dalam kasih, khususnya apabila hubungan itu tegang? Belajarlah daripada Tuhan yang telah mengambil inisiatif untuk berbicara kepada orang yang berdosa dan mahu kita bercakap kepada-Nya (Kejadian 3):

- Kita mengutuk, tetapi Yesus tidak. Yesus mengampuni dan terus mengampuni (Yohanes 3:16-17)...
- Walaupun Yesus mengetahui semua perkara, termasuk yang terburuk tentang kita (Yohanes 2:24-25).
- Yesus masih mahu bercakap dengan kita, sama seperti Allah dengan Musa dalam Keluaran 33:12-23. Yesus menuturkan kebenaran dalam kasih kepada jemaah gereja di Laodikia dengan harapan mereka akan bertaubat. (Wahyu 3:20)

Persoalannya ialah:

1. Sudahkah anda mendengar Tuhan berbicara kepada anda dan sudahkah anda berbicara dengan-Nya secara peribadi? Ini adalah langkah pertama untuk memastikan bahawa anda mempunyai hubungan yang sejati dengan Tuhan. Mulalah pada hari ini dengan bantuan orang lain ataupun dengan diri sendiri. Mula bercakap dengan Tuhan tentang pilihan kerjaya anda, masalah pekerjaan, pelajaran, jodoh, perkahwinan,

matlamat hidup, motivasi untuk melakukan yang terbaik, ketakutan tentang pengadilan Tuhan dan sebagainya. Anda boleh bercakap tentang apa sahaja!

2. Adakah anda berusaha dengan sedaya upaya untuk mendengar supaya Tuhan akan berbicara kepada anda dan berbicara supaya Tuhan dapat mendengari anda? *“Ya Tuhan, berbicaralah, kerana hamba-Mu ini mendengar...”*. Buatlah perkara ini dengan membaca dan merenungi Firman Tuhan. Apabila anda berkomunikasi secara peribadi dengan Allah yang menciptakan semua bahasa dan pertuturan, komunikasi lisan anda dengan isteri/suami, anak, ibu bapa, kawan dan juga mereka yang tidak sefahaman dengan anda pasti akan bertambah baik!



Renungan

Sebuah Doa

Ya Bapa, ampuni kami kerana tidak berbicara kepada Engkau dengan secukupnya, sedangkan Engkau senantiasa menunggu untuk mendengari kami.

Berilah kami kerendahan hati, kebijaksanaan dan kesabaran ... untuk mengubah apa yang kami dapat, dan menerima apa yang tidak dapat kami ubah.

Penuhilah kami dengan kasih Yesus supaya kami dapat mengasihi orang lain, sama seperti Engkau telah mengasihi kami ... 'benarkanlah' pertuturan kami supaya kami dapat mengatakan kebenaran dengan kasih dalam hubungan kami dengan orang lain demi Engkau."

Dalam nama Yesus kami berdoa. Amin.

Rujukan

- 1 A.W. Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Reading for One Year*, Vol. 1 (Christian Publications, 1980)
- 2 J.I. Packer, *A Passion for Holiness* (Crossway Books, 1992)
- 3 *Webster's Dictionary*
- 4 Lee Bee Teik, *Cetak Sukma dan Personaliti Anda* (Wawasan Penabur, 2012)
- 5 C.S. Lewis, *A Grief Observed* (Bantam Books, New York, 1976)
- 6 Paul Tournier, *The Gift of Feeling* (Delachaux 1979; English Translation, SCM Press Ltd and John Knox Press 1981)
- 7 Deborah Tannens, *You Just Don't Understand – Women and Men in Conversation* (William Morrow and Co. Inc. , 1990)
- 8 *Ibid*